

26 AUG 2003

Mahathir-Nisbah

MAHATHIR MAHU NISBAH PELAJAR LELAKI DAN WANITA SEIMBANG DI UNIVERSITI

SHAH ALAM, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir mencabar pemuda generasi Melayu untuk meningkatkan bilangan kemasukan mereka ke universiti bagi mengimbangkan nisbah penuntut wanita dan lelaki di institusi pengajian tinggi.

Perdana Menteri berkata beliau mahu nisbah 50:50 antara penuntut wanita dan lelaki diusahakan segera kerana ketika ini kira-kira 70 peratus penuntut universiti terdiri daripada wanita.

Beliau berkata cabaran beliau itu bukan berniat mahu mengurangkan jumlah penuntut wanita di universiti tetapi lebih kepada mahu meramaikan lagi penuntut lelaki di menara gading.

"Wahai pemuda "Melayu" di mana kamu, jika kamu berani cuba cabar pelajar wanita, cabar untuk berlumba-lumba menguasai ilmu dan memasuki universiti," katanya ketika berucap merasmikan Festival Kemerdekaan Universiti Teknologi MARA 2003 (FesKem 2003) di Stadium Utama UiTM di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata amatlah mendukacitakan pelajar lelaki tidak ramai di menara gading.

Sebaliknya, beliau berkata nisbah 50:50 antara lelaki dan wanita sering kali dilihat di pusat-pusat membeli belah.

"Saya berharap pemuda kuasailah ilmu untuk memenuhi tempat di universiti-universiti, untuk seimbangkan 50 peratus lelaki dan 50 peratus perempuan," katanya.

Perdana Menteri berkata wanita sekarang sangat berkebolehan pada pelbagai bidang termasuk bidang kejuruteraan dan cecap dalam pengurusan kewangan.

Perdana Menteri berkata penuntut tidak boleh mudah berpuashati kerana berjaya memasuki universiti sebaliknya mereka perlu berusaha lebih gigih dan mencatat kejayaan cemerlang serta menguasai ilmu.

Beliau berkata pelajar perlu sedar bahawa kerajaan sanggup memberikan peruntukan yang besar untuk pendidikan dengan 26 peratus daripada perbelanjaan Belanjawan kerajaan diagihkan bagi bidang ini.

"Kita sanggup belanja besar untuk anda. Kita kena buktikan belanja kita ini tidak sia-sia. Kita mesti tekun untuk kuasai ilmu," katanya.

Dr Mahathir berkata pelajar perlu menguasai ilmu bukan untuk diri sendiri sahaja tetapi bagi kemajuan agama, negara dan bangsa.

-- BERNAMA

LES HS BK